



LALUAN SUSUR PENDEK YANG DICADANGKAN

Meliputi mercu tanda seperti institusi masyarakat, tanah perkuburan tentera dan taman, susur jalan ini direka bentuk untuk memaparkan sejarah masyarakat, warisan tentera dan ruang dengan pemandangan yang indah di Woodlands. Pilih satu (atau lebih) daripada laluan yang dipilih khas ini dan mula meneroka warisan Woodlands yang kaya hari ini!

Masyarakat Woodlands 1.5 jam dengan pengangkutan awam (4 km)

Walaupun lokasinya jauh di sudut utara Singapura, Woodlands telah menjadi tempat kediaman kepada banyak masyarakat yang turut menubuhkan institusi untuk memenuhi keperluan rohani mereka. Susur ini memperkenalkan anda kepada institusi keagamaan dan mercu tanda masyarakat yang berbeza yang berasal dari Woodlands dan terus berkhidmat kepada penduduk hari ini.



Mulakan perjalanan anda di **Kuil Hong Tho Bilw**, dengan berjalan kaki melalui Exit 1 MRT Woodlands. Terletak di Marsiling Industrial Estate Road 3, kuil agama Tao ini didedikasikan kepada Guan Di Gong, dewa perang dan kemewahan. Ia ditubuhkan pada akhir 1940-an di Kampong Hock Choon, sebuah perkampungan pertanian di Woodlands. Di sebelahnya ialah **Kuil Shang Di Miao Chai Kong**, yang diasaskan pada tahun 1935 di sebuah kampung di Lorong Woodlands Kechil (kini Singapore Turf Club). Kedua-dua kampung itu telah ditempatkan semula pada tahun 1980-an, dan kedua-dua kuil, yang dibuka di sini, masing-masing pada tahun 1996 dan tahun 1994, adalah warisan hidup masyarakat luar bandar Woodlands sebelum perang.

Seterusnya, menyusuri estet perindustrian dan menuju ke Marsiling Rise untuk sampai ke **Kuil Sri Siva-Krishna**, satu-satunya kuil agama Hindu di Singapura yang dikhususkan kepada dewa Hindu Siva-Krishna, dewa yang merupakan gabungan dewa Siva dan dewa Krishna. Ditubuhkan pada tahun 1962 di Sembawang, kuil ini berpindah ke Marsiling pada tahun 1982 dan bangunannya sekarang, dengan pintu masuknya yang indah, *gopuram* (menara pintu gerbang) telah siap dibina pada tahun 1996.



Selepas melawat kuil, lintas Marsiling Road dan susuri Marsiling Lane ke Pasar & Pusat Makanan Marsiling Lane. Dibuka pada tahun 1975, ini merupakan pasar pertama yang menyediakan perkhidmatan kepada estet Marsiling. Hari ini, ia kekal sebagai destinasi popular bagi para penduduk yang menikmati banyak gerai dan kedai gaya lamanya.



Kemudian, naik bas ke salah satu mercu tanda Woodlands yang paling ikonik, **Masjid An-Nur**, dengan tembok birunya yang indah dan menaranya yang menjulang tinggi. Dibuka pada tahun 1980, masjid ini adalah hasil usaha pengumpulan dana oleh masyarakat Muslim Woodlands yang berusaha membina masjid untuk keperluan agama mereka. Masjid ini juga mempunyai alat penyejuk air di sepanjang laluan di luar untuk memberikan kelegaan kepada sesiapa yang kehausan.



Di seberang jalan dari masjid ialah **Taman Marsiling**. Dibuka pada tahun 1983 sebagai Taman Bandar Woodlands, ini merupakan taman pertama yang menyediakan ruang rekreasi untuk penduduk estet HDB Woodlands, dan kemudian dinamakan semula sebagai Taman Marsiling pada tahun 2018.

Akhir sekali, naiki bas dari Woodlands Centre Road ke **Gereja St Anthony of Padua**. Gereja Katolik ini bermula pada tahun 1920-an apabila kaum Teochew Katolik dari China mendapat perlindungan di Mandai. Mereka menubuhkan sebuah gereja kayu, yang digantikan pada tahun 1960 dengan Gereja St Anthony yang pertama. Gereja itu kemudian berpindah ke sini pada tahun 1994. Pintu masuknya menampilkan patung gansa St Anthony of Padua, manakala dewan ibadatnya yang berbentuk kipas mempunyai meja mezbah yang digunakan oleh Paus John Paul II untuk meraikan Mass di Stadium Negara semasa lawatannya ke Singapura pada tahun 1986.




Perang Di Woodlands 2 jam dengan menggunakan pengangkutan awam (9 km)

Mengapakah Woodlands mempunyai tempat dengan nama seperti Admiralty Road dan Admiralty Park? Ini kerana Laksamana British, yang mengendalikan Tentera Laut Diraja Britain, pernah merupakan pasukan tentera yang terkemuka di Woodlands. Susur ini membawa anda ke tempat ini dan bekas tapak tentera yang lain serta mendedahkan peranan penting mereka dalam sejarah Woodlands.



Mulakan susur di tempat masuk, South Entrance, di **Taman Admiralty**, hanya dengan berjalan kaki dari MRT Woodlands melalui Exit 3. Nama taman ini, yang terbesar di utara, adalah peringatan bahawa kebanyakan kawasan utara Woodlands pernah menjadi sebahagian daripada pangkalan tentera laut British yang aktif dari tahun 1938 hingga tahun 1971.

Nikmati berjalan kaki dengan pemandangan yang indah melalui Taman Admiralty. Apabila tiba di North Entrance taman tersebut, belok kanan dan terus berjalan di sepanjang Admiralty Road West. Di persimpangan pertama, anda akan melihat di sebelah kanan anda Blok Pentadbiran yang dikekalkan, **bekas KD Malaya**, pangkalan tentera laut Malaysia yang menduduki kawasan ini dari tahun 1950-an hingga 1997. Anda juga akan melihat sebuah penjara kecil (kini ditutup) di seberang jalan, yang dibina pada tahun 1950 sebagai kuarters untuk anggota polis tentera laut. Penjara itu dikenali sebagai **Khalsa Crescent** (kerana kebanyakan penduduknya adalah Sikh) atau **Torpedo** (kerana ia terletak di sebelah Torpedo Depot pangkalan tentera laut) dan tidak lagi digunakan.



Seterusnya, menyeberangi persimpangan, belok kiri dan berjalan semula di sepanjang Admiralty Road West untuk sampai ke Taman Pesisiran Woodlands. Di sini anda akan menemui **bekas Jeti Pangkalan Laut Malaysia** yang telah siap dibina pada tahun 1966 sebagai sebahagian daripada KD **Malaya**. Jeti sepanjang 400 meter ini kini menawarkan pemandangan Selat Johor yang mengagumkan dan mempunyai tempat duduk yang pernah menjadi sauh



untuk kapal. Ia juga mempunyai restoran dan merupakan tempat memancing yang popular.

Terus berjalan ke arah barat di sepanjang persiaran tepi pantai taman, yang memberikan pemandangan **Koswe** yang jelas. Dibuka pada tahun 1924, Koswe adalah tapak tentera yang penting semasa Perang Dunia II. Selepas askar Berserkutu terakhir yang membela Tanah Melayu menyeberangi Koswe pada 31 Januari 1942, ia telah diletupkan untuk menghalang tentera Jepun daripada menyeberang ke Singapura.



Akhir sekali, gunakan Penyambung Taman Marsiling untuk sampai ke Woodlands Centre Road, dan naik bas ke **Tanah Perkuburan Perang Kranji**. Tapak peringatan Perang Dunia II ini dahulunya merupakan tanah perkuburan kem tawanan perang. Selepas peperangan itu, tapak itu telah diperluaskan menjadi tempat berehat untuk lebih 4,400 tentera Berserkutu yang terkorban di Singapura dan Malaya. Di tengah-tengah tanah perkuburan itu ialah Memorial Singapura di puncak bukit, yang mengandungi lebih 24,000 nama korban tentera darat dan udara Komanwel yang tidak mempunyai kubur yang diketahui. Daftar nama, yang disimpan oleh Suruhanjaya Kubur Perang, boleh didapati di pintu masuk.



Perjalanan melalui Hutan 1.5 jam menaiki basikal; 2.5 jam berjalan kaki dengan menggunakan pengangkutan awam (15 km)

Sesuai dengan namanya, Woodlands terus menjadi tempat yang dipenuhi dengan pokok dan hutan. Susur ini membolehkan anda menerokai taman-taman dan kawasan hijau lain yang membentuk Woodlands, serta kekayaan sejarah tempat ini. Oleh kerana panjangnya laluan ini, anda dicadangkan untuk berbasikal.



Mulakan perjalanan anda di **Taman Marsiling**, hanya dengan berjalan kaki, tidak jauh dari MRT Marsiling. Taman ini terdiri daripada tasik yang dikelilingi astaka berlandskap dan mercu tanda, sebuah menara tinjau yang berlingkar. Pada tahun 2018, taman itu telah diubah suai dan dinamakan semula sebagai **Taman Marsiling**. Nama ini berasal daripada Estet Marsiling, bekas ladang getah yang ditubuhkan di kawasan ini oleh Lim Nee Soon pada awal abad ke-20. Lim telah menamakan ladang itu sempena nama Ma Xi, kampung nenek moyangnya di China.



Seterusnya, gunakan Penyambung Taman Marsiling, yang melepasi Pusat Pemeriksaan Woodlands lama, untuk pergi ke Taman Pesisiran Woodlands. Di sini anda akan menemui persiaran tepi laut sepanjang 1.5 kilometer dengan pemandangan Koswe dan Selat Johor yang sangat menarik. Teruskan di sepanjang persiaran ini untuk sampai ke **bekas Jeti Pangkalan Laut Malaysia** yang telah siap dibina pada tahun 1966 sebagai sebahagian daripada KD **Malaya**, sebuah pangkalan laut Malaysia yang terletak di sini antara tahun 1950-an hingga tahun 1997. Hari ini, jeti itu merupakan tempat rekreasi popular yang menawarkan pemandangan indah pantai utara berhutan Singapura.




Pergi menerusi tempat letak kereta taman dan seberangi Admiralty Road untuk sampai ke **Taman Admiralty**, taman terbesar di utara. Dibuka pada tahun 2007, taman unik ini menampilkan susur pejalan kaki dan pelantar laluan yang menepuhi paya bakau, peninggalan hutan pantai yang pernah mengawal pantai utara Woodlands. Berbasikal atau berjalan melalui taman dan apabila tiba di South Entrance, penunggang basikal boleh menggunakan Penyambung

Taman Woodlands Avenue 2 untuk sampai ke Penyambung Taman Woodlands (SLE). Ini akan membawa anda ke **Penyambung Taman Ulu Sembawang**. Jika anda menerokai susur ini dengan berjalan kaki, gunakan MRT (Thomson-East Coast Line) dari stesen Woodlands ke stesen Woodlands South, dan berjalan kaki ke Woodlands Avenue 12. Belok kanan ke Penyambung Taman Woodlands Avenue 12 dan anda akan tiba di permulaan Penyambung Taman Ulu Sembawang.


Kini merupakan tempat berjoging dan berbasikal yang popular, Penyambung Taman Ulu Sembawang dahulunya adalah sebahagian daripada Jalan Ulu Sembawang, trek luar bandar yang melalui Kampung Mandai Tekong dan Kampung Teochew Katolik. Hari ini, ia menawarkan laluan indah melalui kawasan desa berbukit yang mempamerkan pemandangan landskap Woodlands yang lama.

Penyambung Taman Ulu Sembawang berakhir di Mandai Road. Di sini, terus ke **Kuil Sri Arasakesari Sivan** di Sungei Kadut Avenue dengan berbasikal atau menaiki bas di sepanjang Mandai Road menuju ke Woodlands Road. Kuil Hindu ini diasaskan di Woodlands pada tahun 1924 dan mempunyai reka bentuk "hutan" dengan banyak pokok di sekeliling kuil. Ia juga satu-satunya kuil Hindu di Singapura yang mempunyai kolam istiadat.





| Communities of Woodlands | Woodlands at War | A Journey through the Woods | Continuation of trail route |
|--------------------------|------------------|-----------------------------|-----------------------------|
| | | | |



HERITAGE SITES IN THE SUGGESTED SHORT TRAIL ROUTES



All information contained in this trail map is provided in good faith, and every reasonable effort has been made to ensure that the information is accurate and up to date at time of print. Accordingly, NHB makes no warranty or representation relating to the trail map and all information contained therein, and users relying on any of the information contained in the trail map shall do so at their own risk and diligence.

©2022 National Heritage Board.
All rights reserved.



Scan here to learn more on [Roots.gov.sg](https://www.roots.gov.sg)